

Olahragawan
Melaka '87
Pencalonan

Ahmad Wardi
diragui

16 DEC 1987

MAJLIS Silat Negeri Melaka (MSNM) perlu memohon untuk bergabung dengan Majlis Sukan Negeri (MSN) bagi membolehkan pemenang pingat emas Kelas B Kejuaraan Silat Sedunia baru-baru ini, Ahmad Wardi Salim, dicalonkan sebagai Olahragawan Melaka 1987.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, Jaafar Haji Lajlis, berkata setiap olahragawan yang akan dipilih adalah mewakili badan sukan gabungan MSN. Walaupun seorang ahli sukan itu mencapai kejayaan cemerlang di peringkat dunia, dia tidak akan mendapat pertimbangan untuk menerima anugerah itu jika persatuan yang diwakili tidak bergabung dengan MSN," ujarnya.

Sebelum menjuarai kejohanan beraraf dunia itu, Ahmad Wardi memperoleh pingat gangsa di Sukan SEA Jakarta September lalu dan diumumkan sebagai Pesilat Terbaik Kebangsaan 1986.

Jaafar memberitahu, pihaknya akan memilih olahragawan dan olahragawati Melaka bagi tahun ini selepas jawatankuasa berkenaan bermesyuarat. Tahun lalu, bekas pemain sepak-takraw kebangsaan, Ramlan Yuhof dipilih sebagai Olahragawan Melaka.

Bagi tahun 1987, beberapa ahli sukan dijangka dicalonkan oleh persatuan sukan masing-masing untuk anugerah itu.

Antara mereka yang dijangka disenaraikan ialah pemain hoki kebangsaan, K Embaraj, pelompat galah Rahim Elyas dan pemain sepak-takraw kebangsaan Ibrahim Bakar.

Taekwon-do, silat punyai persamaan teknik — Mazlan

16 DEC 1987

WALAUPUN memenangi pingat emas acara terbuka di Kejuaraan Silat Sedunia baru-baru ini, Mazlan Shaari, tetap tidak mahu meninggalkan taekwon-do yang pernah mengah-diahkannya beberapa pingat.

Baginya, silat dan taekwon-do adalah seni mempertahankan diri yang mempunyai persamaan teknik ketika berlawan.

"Saya tidak akan meninggalkan taekwon-do walaupun sudah memenangi pingat emas di kejuaraan silat," katanya.

Kejayaan pingat emas silat olahraga itu lebih mendorong semangatnya untuk terus mendalami ilmu persilatan, terutama sebagai persediaan menghadapi kejuaraan peringkat kebangsaan tahun depan.

"Jika boleh saya ingin mewakili negara dalam taekwon-do dan juga silat di Sukan SEA Kuala Lumpur pada 1989. Bagaimanapun ia banyak bergantung kepada pencapaian di peringkat kebangsaan nanti," ujarnya.

Mazlan, seorang anggota tentera pada Oktober lalu memenangi pingat gangsa di Kejohanan Taekwon-do Angkatan Tentera Dunia di Seoul, Korea Selatan.

"Saya masih baru dalam silat berbanding taekwon-do. Sebenarnya, saya sungguh minati kedua-duanya dan tidak akan meninggalkannya, malah akan berusaha meningkatkan lagi pencapaian dua cabang mempertahankan diri itu," katanya.

Bagaimanapun, dia tidak menyertai Kejohanan Taekwon-do Kebangsaan Julai lalu kerana memberi laluan kepada rakannya. Berikutan itu, dia tidak dipilih mewakili negara ke Sukan SEA Jakarta.



■ MAZLAN SHAARI

Mazlan mendapat bimbingan taekwon-do daripada jurulatih Korea Selatan manakala dalam silat pula dibimbing oleh bekas jurulatih kebangsaan, Anuar Abdul Wahab.

"Saya memperelajari silat sejak di bangku sekolah lagi dan melupakannya buat seketika untuk mempelajari taekwon-do. Ini semata-mata untuk mendalami semua seni mempertahankan diri," ujarnya.